

PENUBUHAN RUMAH SEDEKAH: ISU DAN CABARAN

Noor Aimi Bt Mohamad Puad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nooraimi@kuis.edu.my

Nurauliani Bt Jamlus Rafdi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurauliani@kuis.edu.my

Ahmad Yani Bin Ismail

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
ahmadyani@kuis.edu.my

Aza Shahnaz Bt Azman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
azashahnaz@kuis.edu.my

Ilyas Bin Abdullah

Universiti Kebangsaan Malaysia
ilyasabdullah084@gmail.com

ABSTRAK

Sektor swasta dan kerajaan mempunyai peranan yang penting bagi memastikan kebajikan sosial sesebuah negara terjamin terutamanya dalam bidang ekonomi. Malangnya, tanggungjawab ini masih belum dilaksanakan oleh bank-bank Islam sebagai sektor swasta kerana mereka lebih memberi tumpuan untuk memaksimumkan keuntungan tanpa melaksanakan tanggungjawab sosial kepada golongan miskin yang memerlukan. Dengan pengenalan rumah sedekah yang dilaksanakan oleh bank-bank Islam ini, ianya boleh menawarkan pelbagai manfaat kepada pembangunan ekonomi dan juga untuk masyarakat. Walau bagaimanapun, cadangan penubuhan rumah sedekah ini masih di peringkat awal dan terdapat beberapa isu yang perlu dikenalpasti bagi memastikan penubuhan rumah sedekah ini benar-benar berkesan dan berjaya mencapai objektif penubuhannya. Kajian ini merupakan kajian konsep yang mana ianya bertujuan untuk membincangkan isu-isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam menubuhkan rumah sedekah. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang kepada literatur di samping mencadangkan penambahbaikan terhadap idea penubuhan rumah sedekah ini.

Kata kunci: Maqasid al-syariah, waqaf, infaq, sedekah dan rumah sedekah.

1.0 Pengenalan

Di Malaysia, penubuhan Bank Islam sebenarnya telah bermula seawal tahun 1983 dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad. Tujuan penubuhan Bank Islam adalah untuk menjadikan sistem dan mekanisme perlaksanaannya lebih berkembang dan mampu bersaing dengan institusi perbankan konvensional. Garis panduan kepada pelaksanaan sistem perbankan Islam ini adalah mengikut Al-Quran dan As-Sunnah dan selari dengan konsep *maqasid al-syariah*. Konsep ini berupaya menjadikan perbankan Islam lebih utuh dan ampuh. Asas pengendalian operasi perbankan Islam yang berpandukan ketetapan Al-Quran dan As-Sunnah menjadikan institusi kewangan dan perbankan Islam sebagai sebuah sistem kewangan dan perbankan yang unik dan efektif berbanding sistem kewangan dan perbankan konvensional. Keunikan perlaksanaannya terletak pada sistemnya yang bukan sahaja bebas daripada sebarang elemen yang tidak bertepatan dengan syariah bahkan sistem perbankan Islam dilihat lebih komprehensif dengan adanya tanggungjawab sosial, keadilan, etika perniagaan yang telus serta menepati prinsip konsep *maqasid al-syariah* (Zikrilhafiz Mohd Sumairi *et.al*, 2015).

Walau bagaimanapun, sistem perbankan Islam juga mempunyai persamaan dengan institusi perbankan konvensional terutamanya dari aspek menguruskan kewangan pelanggan samada urusan penyimpanan wang dan juga sebagai sumber untuk menawarkan perkhidmatan pinjaman kewangan kepada pelanggan. Namun begitu perbezaan di antara kedua-dua institusi kewangan ini dapat dilihat berdasarkan kepada konsep dan teorinya bilamana sistem perbankan Islam lebih memberikan penekanan kepada prinsip syariah dan nilai-nilai Islam di dalam perlaksanaannya berbanding motif keuntungan yang menjadi matlamat terbesar kepada sistem perbankan konvensional (Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1982).

Berpandukan kepada matlamat penubuhannya, selain menjana keuntungan sistem perbankan Islam juga seharusnya berupaya dalam memelihara kemaslahatan sosioekonomi umat Islam. Selain itu, perbankan Islam juga sepatutnya menjadi nadi penggerak ekonomi umat Islam dengan memberikan kesan yang lebih besar kepada masyarakat menerusi pelaksanaan program tanggungjawab sosialnya (CSR). Program CSR bukan sahaja akan memberikan impak positif kepada perbankan Islam, malah kesannya lebih jauh dari itu termasuklah pembasmian kemiskinan. Zakat, waqaf, infaq dan sadaqah memainkan peranan penting dalam menggalakkan keadilan sosial serta membasmi kemiskinan. Oleh itu, setiap orang perlu memainkan peranan untuk membantu golongan miskin dan memerlukan. Peranan ini adalah sangat relevan kepada institusi perbankan Islam sebagai entiti perniagaan yang ditubuhkan berpandukan kepada Al-Quran dan As-Sunnah serta bertepatan dengan prinsip *maqasid al-syariah* (Sheila *et.al*, 2012).

1.1 Permasalahan Kajian

Al-Quran telah memberikan penekanan terhadap hukum syariah bagi memastikan perjalanan operasi perbankan Islam bersesuaian dengan kehidupan manusia. Maka dengan itu sistem perbankan Islam mampu merealisasikan segala tuntutan dan keperluan manusia pada setiap zaman dan keadaan. Syariat Islam yang diaplikasikan oleh sistem perbankan Islam juga mampu untuk menangani masalah-masalah ummah seperti masalah kewangan. Penyelesaian kepada masalah ini sebenarnya terkandung di bawah naungan *maqasid al-syariah*. Namun begitu, imej

institusi perbankan Islam kian tercalar berikutan tanggapan negatif daripada masyarakat khususnya umat Islam yang melihat perjalanan operasi perbankan Islam seperti tiada bezanya dengan institusi perbankan konvensional khususnya dari aspek mengaut keuntungan. Timbul juga dakwaan yang mengatakan perbankan Islam juga agak tersasar daripada konsep *maqasid al-syariah* kerana matlamat produk yang ditawarkan kelihatan lebih mengutamakan keuntungan berbanding kebajikan sosial ummah.

Perkembangan perbankan dan kewangan Islam hampir tiada peranan dalam sektor kebajikan sosial. Walaupun institusi perbankan Islam membayar zakat dan dan melakukan wakaf, tetapi peranan mengumpul dan mengagihkan dana masih dimainkan oleh sektor kerajaan. Perbankan dan kewangan Islam patut memainkan peranan mereka untuk mengumpul dana daripada kerajaan dan sektor swasta untuk disalurkan kepada mereka yang memerlukan. Oleh itu perbankan Islam, selain menjana keuntungan ia juga harus bertindak aktif dalam urusan-urusan yang melibatkan aspek kebajikan sosial ummah. Justeru itu, idea penubuhan *Sadaqah House* perlu diteliti oleh bank-bank Islam. Secara amnya, idea penubuhan Rumah Sadaqah bertujuan untuk menjadi baru produk perbankan dan kewangan Islam atau perniagaan untuk memenuhi keperluan kewangan dan keperluan sektor kebajikan sosial. Penubuhan Rumah Sadaqah juga akan menjadi sebahagian daripada sistem kewangan Islam yang mengumpul dan menerima dana, mengurus dan melabur dana serta membayar wang kepada golongan yang layak sebagai sedekah (Abdul Halim, 2015).

2.1 Gelintiran Kesusasteraan

Bagi memberikan penjelasan yang lebih mendalam terhadap kajian ini, beberapa konsep telah diuraikan. Selain daripada itu juga, gelintiran kesusasteraan juga mampu dijadikan asas kepada kerangka penulisan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian lepas oleh penyelidik terdahulu juga boleh mengukuhkan lagi asas terhadap idea penubuhan Rumah Sedekah oleh institusi perbankan Islam di Malaysia dalam membantu dan menangani permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini khususnya. Idea penubuhan Rumah Sedekah ini bertepatan dengan sistem kewangan dan perbankan Islam yang berpandukan kepada prinsip *maqasid al-syariah* di mana motif penubuhan sesebuah bank menurut Islam bukan hanya bermatlamatkan keuntungan semata-mata malahan juga berperanan dalam mengurus dan mengatur tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat bagi membantu meringankan masalah kewangan umat Islam dan juga pembasmian kemiskinan.

2.1.1 Konsep Rumah Sedekah

Idea penubuhan rumah sedekah ini mula dibincangkan pada 2014 di *Global Islamic Finance Forum*. Pemenang Anugerah Kewangan Islam, Dato' Abdul Halim Ismail semasa ucapannya pada tahun 2014 menyatakan rumah sedekah boleh menjadi sebuah entity perniagaan dengan menyediakan produk dan perkhidmatan untuk mengumpul pelbagai jenis sedekah, wakaf, hibah terutamanya daripada sektor swasta dan mengagihkannya untuk golongan miskin dan daif dalam sektor kebajikan masyarakat.

Sebelum ini hanya kerajaan dan sektor swasta sahaja yang mempunyai peranan dalam sektor kebajikan masyarakat. Kedua-dua sector ini menjalankan tugas untuk mengumpul dana bagi golongan miskin dan daif di sektor kebajikan masyarakat. Walau bagaimanapun perbankan dan kewangan Islam pula hampir tidak ada dalam sektor ini. Sebahagian kutipan zakat dan wakaf dilakukan oleh sektor kerajaan dan bukan sektor swasta dan sebahagian besarnya bukan melalui Perbankan dan kewangan Islam. Kategori sedekah yang ditawarkan oleh rumah sedekah termasuklah sedekah am, sedekah khusus sedekah, sedekah untuk sara hidup, sedekah bagi keperluan kediaman, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sedekah untuk membangunkan rumah ibadat (masjid dan surau). Dengan kategori sedekah dan ciri-ciri lain yang berkaitan dengan sedekah yang ditawarkan, rumah sedekah berupaya dalam merangka pelbagai produk perbankan Islam dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada penderma berpotensi untuk menarik dana sedekah daripada mereka melalui rangkaian cawangan Bank Islam di seluruh negara di Malaysia.

2.1.2 Konsep Umum Maqasid Al-Syariah

Menurut Mahmud Shaltut (2007), *maqasid al-syariah* dari sudut bahasa membawa pengertian tujuan, kehendak dan matlamat agama yang jelas dari Allah samada dari aspek akidah, ibadah, muamalah, munakahat, jenayah, sosial, politik serta alam yang menjadi sumber kepada kehidupan manusia. Selain itu, Ibnu Asyur (2011) pula mentakrifkan *maqasid al-syariah* sebagai makna dan hikmah yang diambil perhatian oleh syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak dikhususkan dalam mana-mana hokum syarak tertentu. Sementara Jasser Auda (2015) pula menjelaskan *maqasid al-syariah* sebagai objektif di sebalik hukum Islam yang terdapat hubungan yang rapat bagi mencapai masalah dan menjauhi mafsadah. Maqasid al-syariah telah menjadi fokus kepada banyak pihak pada hari ini. Konsep ini merupakan satu sudut pandang yang berbeza dengan ilmu usul fiqh bagi kaedah menentukan sesuatu hukum syarak iaitu lebih memberi fokus kepada tujuan sesuatu hukum tersebut disyariatkan. Dalam hal ini sedekah merupakan suatu tuntutan dalam Islam bagi menjaga kemaslahatan ummah yang memerlukan daripada sebarang kemudaratan.

Menurut Norajila (2011) dalam kajiannya bertajuk "Tanggungjawab Sosial Korporat: Analisis Perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad" menjelaskan bahawa perbankan Islam di Malaysia telah berkembang pesat sejak bermulanya penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad. Pelaksanaan produk-produk yang tidak berasaskan keuntungan di Bank Muamalat Malaysia Berhad bermula bersama-sama dengan penubuhannya pada tahun 1999. Sejak itu, pelbagai program berbentuk kebajikan telah dilaksanakan dalam usaha untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang telah ditetapkan yang diuruskan oleh sebuah jabatan dalam bank berkenaan iaitu Jabatan Komunikasi Korporat yang bertindak sebagai perantara di antara institusi dengan masyarakat luar. Bank Muamalat Berhad telah melancarkan sebuah dana yang dinamakan Tabung Mawaddah bagi membiayai program yang tidak bermotifkan keuntungan, Dana ini diperolehi daripada zakat perniagaan yang dibayar. Bank Muamalat menyediakan 1/3 daripada dana zakat bagi membiayai program-program yang tidak berasaskan keuntungan dan selebihnya diserahkan kepada Pusat pungutan zakat untuk diuruskan. Selain daripada dana zakat, Bank Muamalat Berhad juga memperuntukkan sebahagian daripada dana bank untuk aktiviti CSR sebagai tambahan kepada sumbangan yang diperolehi dari ahli-ahli

kakitangan bank serta pelanggan. Kebanyakan dana-dana yang digunakan untuk membantu pelajar-pelajar digunakan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang agama.

2.1.3 Waqaf

Menurut Asmak (2009) dalam artikelnya bertajuk "Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia" menjelaskan waqaf berasal dari perkataan Arab iaitu *waqafa*. Ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, waqaf bererti memberi, menahan dan menghalang. Waqaf adalah satu bentuk penyerahan harta sama ada secara terbuka, atau sindiran, di mana harta yang dipegang hanya dapat dimanfaatkan dan digunakan untuk tujuan kebajikan. Selain itu waqaf juga membawa pengertian sebagai memegang aset seseorang untuk memberi manfaat kepada orang lain. Harta itu mestilah dalam keadaan yang baik, dan mereka yang melakukan waqaf bertujuan untuk mendekati Allah dan memberi sedekah kepada orang lain. Pemilik harta tidak lagi mempunyai hak ke atas harta waqaf tersebut. Waqaf adalah penting untuk tujuan agihan kekayaan bagi pembangunan ummah. Pengagihan kekayaan merujuk kepada pengaliran harta sebahagian daripada masyarakat ke masyarakat yang lain, sama ada dalam bentuk wang atau barangan. Pengagihan kekayaan boleh juga dilakukan dalam aspek kesihatan dan pendidikan oleh satu golongan masyarakat lain-lain pertubuhan. Terdapat tiga agen pengagihan semula kekayaan yang utama iaitu kerajaan, individu dan institusi-institusi seperti Yayasan yang mewakili kelompok masyarakat. Kekayaan ini diedarkan melalui kaedah-kaedah tertentu, seperti cukai, subsidi dan kebajikan. Sejarah membuktikan bahawa ia mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Jika ditinjau semasa zaman Nabi Muhammad (saw), Saidina Uthman bin ' Affan telah mewaqafkan sebuah telaga iaitu *al-Raumah* yang menjadi sumber utama bekalan air kepada umat Islam pada masa itu. Air adalah kemudahan asas yang diperlukan untuk hidup. Sementara waqaf yang dilakukan semasa zaman Kerajaan Uthmaniyyah banyak membantu dalam menyediakan pelbagai aktiviti pembangunan ekonomi masyarakat seperti pendidikan, kemudahan kesihatan, kebajikan dan aktiviti-aktiviti lain yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat. Di United Kingdom, pertubuhan-pertubuhan *Islamic Relief* telah memperkenalkan beberapa bentuk waqaf untuk membantu umat Islam seluruh dunia seperti kemudahan bekalan air bersih dan sanitasi, pendidikan, pembangunan rumah anak yatim, bantuan kecemasan dan waqaf dana pembiayaan untuk masa depan. Antara pihak yang mendapat manfaat daripada pelbagai projek tersebut ialah kanak-kanak Palestin, mangsa-mangsa peperangan di Bosnia, golongan miskin di Bangladesh, Mali dan Sudan.

Menurut Farhah *et.al* (2014) dalam artikelnya "*The Roles of Cash Waqf in Poverty Alleviation: the Case of Malaysia*" menjelaskan waqaf wang tunai telah semakin mendapat kesedaran di Malaysia. Disebabkan oleh fleksibiliti dalam jumlah minimum caruman yang boleh dilakukan, waqaf tunai telah membuka lembaran baru kepada umat Islam untuk mewaqafkan hartanya demi kebaikan orang ramai. Selain itu waqaf saham juga boleh dibuat dengan lebih meluas di mana semua orang mampu untuk berwaqaf kerana nilai satu saham serendah RM 2.00 sahaja sebagai contoh di Melaka. Waqaf tunai dan waqaf takaful adalah satu bentuk waqaf luar kebiasaan amalan masyarakat Islam. Terdapat beberapa negeri yang telah memperkenalkan wakaf saham

iaitu Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Johor dan juga Yayasan dakwah Islamiah Malaysia.

2.1.4 Infaq

Infaq bermaksud membelanjakan harta pada jalan Allah. Jika tujuan perbelanjaan harta adalah untuk mencari keredaan Allah, maka setiap perbelanjaan dibuat ke atas dirinya sendiri dan keluarga dan semua amal yang diberikan untuk kebajikan sosial adalah termasuk dalam infaq *fi sabil Lillah* (perbelanjaan di jalan Allah). Maksud lain bagi infaq ialah membelanjakan harta untuk memenuhi keperluan seseorang, untuk membantu saudara-mara, jiran-jiran dan kumpulan orang-orang yang memerlukan. Infaq juga dipanggil sadaqah dan zakat. Sadaqah adalah secara sukarela iaitu tindakan yang dilakukan oleh individu atau institusi bagi membersihkan harta itu untuk mencari keredaan Allah. Sadaqah boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu sadaqah sukarela dan sadaqah wajib. Sadaqah sukarela adalah benar-benar berbeza daripada sadaqah wajib iaitu zakat. Ia adalah pilihan dan tidak mempunyai kadar tetap. Berbeza dengan kewajipan sadaqah (zakat) yang mempunyai kadar tetap dan hanya boleh dibelanjakan untuk kegunaan yang jelas disebut dalam Al-Quran. Sementara itu sadaqah sukarela boleh diberi mengikut kehendak pemberi. Sadaqah sukarela adalah untuk mewujudkan tabiat suka melakukan amal-amal yang baik bagi mendapat kebahagiaan rohani. Zakat juga dipanggil sadaqah walaupun ianya wajib. Walau bagaimanapun, istilah sadaqah secara umum merujuk kepada perbelanjaan secara sukarela pada jalan Allah. Tiap-tiap Zakat adalah sadaqah. Namun begitu sadaqah yang wajib adalah dengan berzakat (retrieved from prr.hec.gov.pk, 2nd November 2015).

Sementara itu menurut Sohail *et.al* (1994) dalam artikel “*Role of Infaq in Poverty Alleviation in Pakistan*” mengatakan bahawa di Pakistan sebelum penubuhan sistem zakat pada tahun 1980, orang ramai telah memberi sadaqah secara sukarela kepada saudara-mara mereka yang lemah dan daif, jiran-jiran dan lain-lain institusi yang layak. Sistem zakat telah dipraktikkan pada bulan Jun 1980 di Pakistan. Infaq di Pakistan telah berjaya dalam mengurangkan jurang kemiskinan. Infaq menyebabkan pengurangan jurang kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar di Pakistan. Antara wilayah tersebut ialah Punjab. Infaq juga berjaya mengurangkan kemiskinan di Baluchistan. Walaupun pengurangan jurang kemiskinan di bawah pengaruh infaq dari segi peratusan dilihat sangat kecil, namun bilangan isi rumah yang mendapat manfaat mutlak daripada infaq adalah agak besar.

3.1 Isu Dan Cabaran

Dalam menjayakan idea penubuhan rumah sedekah, pelbagai isu dan cabaran terpaksa dihadapi. Hal ini berikutan terdapat pelbagai faktor yang memungkinkan idea penubuhan ini terpaksa melalui jalan atau prosedur yang sukar. Meskipun kebanyakan institusi perbankan sudah mempunyai unit CSR mereka sendiri, namun unit yang menjalankan fungsi mengutip dan mengagihkan dana sedekah kepada golongan yang memerlukan daripada penderma berpotensi belum lagi wujud dalam hampir kesemua institusi perbankan dan kewangan di Malaysia khususnya institusi perbankan Islam.

3.1.1 KESEDARAN DAN KEFAHAMAN

Norajila (2011) berkata, cabaran utama yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab sosial oleh institusi perbankan adalah kesedaran dalam melaksanakannya. Masih terdapat banyak institusi perbankan yang tidak melaksanakan tanggungjawab sosial korporat ini (sedekah). Kebanyakan institusi perbankan percaya tidak perlu memberi sumbangan kepada masyarakat kerana tiada faedah dan keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Kurangnya dalam memahami secara mendalam tentang pengertian dan konsep sadaqah oleh institusi perbankan akhirnya mewujudkan salah faham sekali gus mengurangkan penyertaan institusi perbankan dalam aktiviti sedakah. Kefahaman yang sempit tentang inisiatif tanggungjawab sosial juga merupakan satu cabaran yang mesti dikikis oleh institusi perbankan dalam melaksanakan aktiviti sedekah. Bank-bank biasanya mempunyai kefahaman yang sempit tentang sedekah. Kebanyakan institusi kewangan terutama bank selalu melihat aktiviti tanggungjawab sosial hanya melibatkan pemberian derma, sumbangan dan lain-lain bentuk pemberian tanpa melihat kepada pendekatannya.

Sementara menurut Elizabeth Mbogoh (2014), menjelaskan cabaran-cabaran pelaksanaan produk baru terutamanya yang berkaitan dengan CSR adalah keengganan dan kekurangan kefahaman pihak pengurusan atasan untuk serius melakukan dalam melaksanakannya. Hal ini kerana CEO kurang menghabiskan masa dengan kakitangan di semua peringkat dan menyukarkan proses perbincangan berkaitan dengan cadangan dan pelaksanaan produk baru yang tidak berorientasikan keuntungan.

3.1.2 Strategi Pengoperasian

Selain daripada itu menurut Elizabeth Mbogoh (2014), strategi pelaksanaan produk baru sering menjadi kebimbangan dalam menjamin kejayaan produk. Strategi pelaksanaan melibatkan strategi *operationalization* yang merupakan pelan pembangunan dan tindakan yang memastikan strategi pengoperasian boleh diterima dalam organisasi. Pelaksanaan strategi ini melibatkan isu-isu makro organisasi dan isu-isu mikro organisasi. Isu-isu organisasi makro akan mempengaruhi orang ramai dalam organisasi. Beberapa subsistem dalaman utama organisasi mestilah diselaraskan untuk berjaya melaksanakan strategi organisasi baru. Subsistem ini termasuk teknologi, proses membuat keputusan. Teknologi boleh ditakrifkan sebagai pengetahuan, peralatan, peralatan, dan kaedah kerja yang digunakan oleh organisasi dalam menyediakan barangan dan perkhidmatan dan mesti sesuai dengan strategi yang dipilih untuknya untuk dilaksanakan dengan jayanya.

3.1.3 Kos

Balabanis, G *et.al* (1998) menyatakan bank juga menghadapi masalah tertentu dalam mendapatkan dana dari sumber luar. Bank memerlukan dana yang besar pada peringkat awal operasi produk baru diperkenalkan kepada umum. Disebabkan oleh kekurangan dana dan kos pentadbiran yang tinggi mungkin menjadi halangan pelaksanaan produk baru. Zakat dan sadaqah dalam Islam adalah alat yang penting untuk pengagihan semula pendapatan dan pertumbuhan.

Walaupun beberapa sumber dana boleh didapati daripada agensi-agensi kerajaan, namun ada diantaranya yang mengenakan terma-terma dan syarat-syarat tertentu. Sebahagian daripada terma dan syarat ini bertentangan dengan prinsip Islam dan membataskan fleksibiliti dalam operasi perbankan Islam.

3.1.4 Strategi Pemasaran

Menurut kajian yang dilakukan oleh Fidlizan *et.al* (2014) bertajuk “Kesanggupan Alumni Menyumbang Kepada Universiti: Kajian Dalam Kalangan Guru- Guru Muslim Di Johor menyatakan bahawa terdapat banyak faktor yang mampu memotivasikan individu untuk menderma. Dalam kajiannya, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia menawarkan status autonomi kepada mana-mana universiti yang mampu menjana pendapatan sendiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada peruntukan daripada kerajaan.

Sementara menurut tulisan Mohd Faisal *et.al* dalam artikel “*Cash Waqf and Infaq: A Proposed E-Philanthropy in Malaysia* menunjukkan bahawa sistem *e-philanthropy* lebih memotivasikan penderma untuk melakukan derma. Sistem derma secara atas talian (*online*) mampu melibatkan penglibatan semua golongan, bukan sahaja golongan berkemampuan malahan juga golongan yang lain melalui pelaburan yang bukan sahaja melibatkan wang, tetapi juga masa dan kemahiran dengan aktiviti yang berlaku secara langsung dengan orang-orang yang memerlukan. Sementara itu juga perlunya ada sokongan dalam memperbaiki kemudahan-kemudahan sistem perbankan selaras dengan trend generasi muda yang celik dan lebih mesra kepada kemudahan-kemudahan dalam perbankan internet. Sistem perbankan secara atas talian bertindak sebagai satu mekanisme yang boleh menggalakkan kutipan derma secara dalam talian. Masyarakat cenderung untuk melakukan transaksi samada berbentuk wang tunai, waqaf atau infaq secara dalam talian terus ke persatuan atau institusi yang berkenaan. Wakaf atau derma dalam talian mampu meningkatkan kutipan wakaf atau derma secara elektronik sekaligus memotivasikan pengguna perbankan internet yang sedia ada untuk membuat kebajikan dan amanah disamping dapat menjana lebih banyak dana untuk membantu ekonomi umat Islam.

Namun begitu pihak perbankan Islam juga mungkin menghadapi kesukaran dalam melaksanakan rumah sedekah khususnya melibatkan perolehan dana daripada penderma. Hal ini kerana menurut kajian yang dijalankan oleh Muhammad Yusuf Marlon *et. al* (2015) bertajuk “Mengkaji Kebolehpasaran Produk Bayt Al-Sadaqah/*Charity* Yang Diurus Oleh Institusi Perbankan: Kajian Di Lembah Kelang” menyatakan bahawa responden lebih suka bersedekah secara terus kepada penerima berbanding dengan melakukan derma menerusi institusi perbankan atau kewangan. Pihak institusi perbankan khususnya perbankan Islam perlu kepada penerangan yang jelas kepada masyarakat supaya idea penubuhan rumah sedekah dapat direalisasikan untuk pembangunan ekonomi ummah.

3.1.5 Akta

Menurut Ruzian Markom *et.al* (2015) dalam artikelnya bertajuk “Kerangka Perundangan Rumah Sedekah Sebagai Institusi Perbankan: Satu Tinjauan Awal” menyatakan bahawa pelaksanaan Rumah Sedekah memerlukan penelitian yang mendalam terutamanya yang berkaitan dengan

aspek perundangan dan juga aspek pengoperasian rumah sedekah ini. Undang-undang atau akta yang baru perlu digubal. Pemberian lesen serta urustadbir pengoperasian yang jelas perlu dibuat kajian yang lebih teliti supaya pelaksanaan rumah sedekah ini benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Semestinya penggubalan akta mengambil masa yang agak panjang kerana melibatkan aspek dasar kerajaan serta perlu dibentang, dibahas sebelum diluluskan di peringkat parlimen. Pemantauan daripada Bank Negara juga diperlukan. Melalui pemantauan ini, penubuhan rumah sedekah bakal menjadi sebuah institusi perbankan yang menepati prinsip maqasid al-syariah dan akan tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam. Pengoperasiannya juga mestilah menurut kerangka urustadbir syariah Bank Negara.

4.1 Cadangan Dan Kesimpulan

Dalam mereliasasikan idea penubuhan rumah sedekah ini, isu-isu dan cabaran yang dihadapi memungkinkan niat murni ini mengalami kesukaran untuk dijayakan. Kekangan dari aspek perundangan misalnya memerlukan penelitian yang panjang kerana ia melibatkan prosedur pembuatan dasar yang memerlukan idea ini dibentang, dibahas sebelum diluluskan oleh parlimen. Masalah yang mungkin timbul dari sudut perundangan juga termasuklah perlunya pindaan ke atas akta kewangan Islam yang ada atau yang berkaitan dengan persoalan unit manakah yang akan bertanggungjawab ke atas urustadbir dan penyeliaan rumah sedekah ini. Selain itu antara cadangan yang boleh diberikan perhatian adalah dengan menubuhkan rumah sedekah sebagai satu entiti yang dipusatkan operasi dan urustadbirnya sebagaimana Lembaga Tabung Haji.

Kesimpulannya, pensyariatian sedekah dilihat selari dengan pengurusan harta lain seperti zakat, wakaf dan seumpamanya di mana konsep rumah sedekah ini membuktikan kepada manusia tentang kelebihan nikmat harta di sisi Allah S.W.T. Harta menurut pandangan Islam hanyalah bersifat sementara atau pinjaman kepada manusia yang perlu diurus dan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kebaikan diri, keluarga dan juga masyarakat. Kelebihan harta perlu dikongsi dan disebarkan manfaatnya sepertimana yang dianjurkan oleh Allah. Melalui konsep sedekah ini, ia juga mampu memelihara hubungan persaudaraan antara masyarakat dan juga mampu mengikis sifat terlalu mencintai harta. Dengan cara itu, setiap pihak tidak berhajat kepada harta melainkan sekadar memenuhi keperluan hidup dan menjauhi sifat tamak seterusnya beroleh berkat daripada Allah S.W.T.

Rujukan

- Abdul Halim, 2015. The Concept of Sadaqah House: A Proposal for An Inclusive Islamic Banking and Finance System by Embracing The Social Welfare Sector. *6th Asia Islamic Banking Conference (August 12, 2015)*.
- Asmak Ab Rahman, 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009), p. 113-152. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

- Balabanis, G *et.al*, 1998. Corporate Social Responsibility and Economic Performance in The Top British Companies: Are They Linked?. *European Business Review*, Vol. 98 no. 1, p. 25–44.
- Elizabeth Mbogoh, 2014. Challenges of Implementing Corporate Social Responsibility Strategies By Commercial Banks in Kenya. University of Nairobi: Kenya.
- Farhah *et.al*, 2014. The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia. *Proceeding Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference (KLIBELA)*, Vol. 1. 31 May – 1 June 2014. Kuala Lumpur.
- Ibnu Asyur, 2011. Maqasid Al- Syariah Al- Islamiyyah. Dar An- Nafaes: Tunisia.
- Infaq. Retrieved November 2nd, 2015 from pr.hec.gov.pk.
- Jasser Auda, 2015. Mudahnya Maqasid Syariah. Terj. Marwan Bukhairi. PTS: Kuala Lumpur.
- Mahmud Shaltut, 2007. Al- Islam Aqidah Wa Syariah. Dar Al- Syuruk: Kaherah.
- Mohd Faisal *et.al*, n.d. Cash Waqf and Infaq: A Proposed E-Philanthropy in Malaysia: *Jurnal Kemanusiaan* (22). Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi, 1982. Islamic Approaches to Money, Banking and Monetary Policies. International Centre of Research in Islamic Economics. King Abdul Aziz University: Jeddah.
- Muhammad Yusuf Marlon *et. al*, 2015. Mengkaji Kebolehpasaran Produk Bayt Al- Sadaqah/Charity Yang Diurus Oleh Institusi Perbankan: Kajian Di Lembah Kelang. Seminar on Sadaqa House, 29 Oktober 2015. Kuala Lumpur.
- Norajila Che Man, 2011. Tanggungjawab Sosial Korporat: Analisis Perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Affin Bank Berhad. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Ruzian Markom *et.al*, 2015. Kerangka Perundangan Rumah Sedekah Sebagai Institusi Perbankan: Satu Tinjauan Awal. Seminar on Sadaqa House, 29 Oktober 2015. Kuala Lumpur.
- Sheila *et.al*, 2012. Intergrating Zakat, Waqf and Sadaqah: Myint Phu Zin Clinic Model in Myanmar. IIUM Institute of Islamic Banking and Finance Malaysia: Kuala Lumpur.
- Sohail *et.al*, 1994. Role of Infaq in Poverty Alleviation in Pakistan. *The Pakistan Development Review*, p.935-952.

Zikrilhafiz Mohd Sumairi *et.al*, 2015. Maqasid Al-Syariah Dalam Mentransformasikan Sistem Perbankan Islam di Malaysia. *eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*.